

Akhbar 1993 Indonesia kagum sikap Mahathir

JAKARTA, Jumaat — Sebuah akhbar harian Indonesia kagum dengan sikap Perdana Menteri, ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~, yang berani menghadapi risiko yang dianggap boleh menghalang modernisasi bangsa Melayu.

Harian Republika, akhbar yang berpengaruh di kalangan pemimpin Islam Indonesia itu, menyifatkan isu pindaan Perlembagaan yang membawa kepada konflik dengan raja-raja Melayu sekarang, adalah contoh keberanian Mahathir dan kerajaan pimpinannya.

Akhbar itu sependapat dengan Mahathir bahawa konflik berkenaan perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas iaitu lambang-lambang kesultanan dengan pelbagai keistimewaannya tidak lagi sesuai dengan konsep Melayu moden.

"Kerana itu, sikap yang ditunjukkan oleh Mahathir sangat jelas iaitu mengurangkan semua unsur yang diperkirakan boleh menghalang program modenisasi," kata *Republika* dalam rencana pengarangnya hari ini.

Bagaimanapun, akhbar itu mengingatkan bahawa dalam sebuah masyarakat yang sudah lama hidup dalam iklim feudalisme dan mementingkan 'lam-bang' kesultanan, unsur-unsur penolakan akan tetap ada.

Isu pindaan Perlembagaan mendapat liputan meluas di Indonesia, malah beberapa akhbar nasional setiap hari menyiarkan laporan itu.

Republika juga berpendapat, Malaysia di bawah kepimpinan Mahathir ibarat 'jiran yang berlari cepat' kerana melalui program pembangunan yang dilaksanakan, perkembangan ekonomi negara itu berkembang pesat.